**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**
**Sidang Akademik 1995/96**

**OKTOBER/NOVEMBER 1995**

**RDK 242(NPM 041) - PENGANTAR PENGAJIAN MUZIUM**

**Masa : ( 3 jam )**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SATU** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** Soalan Sahaja.

1. Sejarah pengumpulan koleksi bermula dari zaman gelap hingga ke zaman ini melalui beberapa fasa. Pilih salah satu daripada fasa tersebut dan huraikan idea atau rasional di sebalik pengumpulan, bentuk koleksi serta bagaimana ia mempengaruhi sifat-sifat pengumpulan berikutnya.

   (25 markah)

2. Bagaimana boleh kita kaitkan sejarah koleksi dengan sejarah perkembangan muzium?

   (25 markah)

3. Fungsi dan peranan muzium adalah dua aspek berbeza. Kejayaan sesebuah muzium bergantung kepada aspek-aspek ini. Huraikan.

   (25 markah)

4. Apakah faktor yang menyebabkan pertumbuhan Muzium dan Taman Tema di Malaysia agak pesat di kebelakangan ini?

   (25 markah)

5. Sifat atau bentuk sesebuah muzium tidak sama walaupun hakikat tujuan penubuhannya dikatakan universal. Bincangkan.

   (25markah)

6. Apakah cabaran-cabaran kepada muzium di zaman moden ini?

   (25 markah)

-oo000oo-